

**PERANAN BELIA DAN PRU-14 DI SABAH:
KAJIAN KES DI P.188 SILAM**

***THE ROLE OF YOUTH AND GE-14 IN SABAH:
CASE STUDY IN P.188 SILAM***

Ramli Dollah
Nordin Sakke
Wan Shawaluddin Wan Hassan
Marja Azlima Omar
Adi Jafar

ramlid@ums.edu.my

Abstrak

Belia merupakan kumpulan penting kepada kelangsungan politik Malaysia. Peningkatan jumlah kumpulan belia yang mewakili hampir separuh populasi pengundi berdaftar di Malaysia menjadikan kumpulan ini penting kepada negara kerana mereka mampu menentukan keputusan pilihan raya. Hakikatnya, kumpulan anak muda ini sangat sensitif kepada perubahan yang berlaku di persekitaran mereka dan sangat kritikal kepada dasar-dasar kerajaan yang tidak memberikan keuntungan kepada mereka. Oleh itu, berdasarkan kajian tentang peranan belia dalam Pilihan raya Umum ke-14 (PRU) di Parlimen Silam (P.188) mendapati bahawa protes belia di Parlimen Silam dan tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) (N.51: Kunak, N.50: Lahad Datu dan N.49: Tungku) di bawah Parlimen ini adalah disebabkan oleh kegagalan kerajaan terdahulu, iaitu Barisan Nasional (BN) dalam melaksanakan dasar dan program yang bermanfaat dan memberi keuntungan kepada belia. Protes ini diterjemahkan dalam bentuk undi ke atas Parti Warisan Sabah (PWS). Menyedari akan kepentingan belia kepada kelangsungan parti pemerintah, maka artikel ini menghujahkan bahawa parti pemerintah di peringkat nasional dan negeri pada hari ini perlu memberikan perhatian yang lebih serius ke atas isu keterpinggiran belia. Oleh itu, beberapa usaha mendekati belia perlu dilakukan secara konsisten dan ia bukan hanya menjadi rutin apabila tibanya musim pilihan raya.

Kata kunci: Belia, PRU14, Politik, Silam, Sabah.

Abstract

The youths are an essential group of voters in the Malaysian politics. With the rising number of youths, representing almost half of registered voters in Malaysia, their roles are pertinent as they were able to determine the result of the election. This is because these groups of young peoples are susceptible to the changes that are taking place in their surroundings and they are also very critical of the government's policies that may not serve their interests. Based on the study carried out on the role of youth during the 14th General Election (GE14) in the Parliament (P-188) Silam and three other state seats (N51: Kunak, N50: Lahad Datu and N49 Tungku), it was found that the protest

among youths in these Parliament constituents was due to the failure of the previous government, Barisan Nasional (BN) in implementing policies and programs that benefitted the youths. They translated their protests in the form of casting their votes to choose the opposition party, i.e. Parti Warisan Sabah (PWS) to come into power. Recognizing the importance of the youths in determining the survival of the ruling party, this article concludes that the current government at the state and national level needs to give serious attention to the issue of the marginalisation among the youths. Therefore, more efforts should be undertaken to reach out and to engage the youths on the regular basis as opposed to the previous practices of only approaching them before and during election season.

Keywords: Youth, GE-14, politics, Silam, Sabah.

PENGENALAN

Peranan belia sangat signifikan dalam memahami politik di Malaysia kerana kumpulan ini dianggap sering memprotes dasar-dasar pemerintah. Oleh itu, belia merupakan kumpulan yang perlu diberikan perhatian lebih-lebih lagi apabila mereka mewakili hampir separuh daripada keseluruhan pengundi berdaftar di Malaysia amnya dan negeri Sabah khususnya. Dalam masa yang sama, kategori belia yang majoritinya masih berada di pusat pengajian, mencari pekerjaan atau di awal proses membina kerjaya dilihat sebagai kumpulan yang paling banyak terdedah kepada pelbagai isu yang dikaitkan dengan dasar pemerintah dan kelangsungan belia. Antara isu-isu penting yang sering memberi kesan kepada belia adalah seperti isu kenaikan harga barang, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan ketiadaan peluang pekerjaan, isu pengangguran dan sebagainya. Situasi ini menjadi semakin mencabar apabila belia menjadi pengguna utama media massa, sekali gus mendedahkan mereka kepada pelbagai bentuk maklumat. Untuk tujuan tersebut, artikel ini cuba melihat peranan belia di negeri Sabah dalam Pilihan raya Umum (PRU) 14. Perbincangan memfokuskan kepada peranan belia di Parlimen P.188 Silam dan tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah Parlimen tersebut iaitu N.49 Tungku, N.50 Lahad Datu dan N.51 Kunak. Kajian ini mendapati bahawa kumpulan belia memainkan peranan yang penting dalam PRU-14 kerana mereka menjadi penyumbang kepada kekalahan Barisan Nasional (BN). Oleh itu, kumpulan yang mewakili hampir separuh daripada jumlah pengundi di Parlimen tersebut merupakan cabaran besar kepada parti pemerintah pada masa akan datang sekiranya isu berkaitan dengan belia tidak ditangani dengan baik. Penulis menyimpulkan bahawa kerajaan memerlukan pendekatan komprehensif dan ‘membumi’ bagi memastikan kumpulan belia dapat diurus dengan baik untuk tempoh lima tahun sebelum PRU akan datang.

SENARIO BELIA DI MALAYSIA

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan belia adalah individu yang berumur antara 15–24 tahun. Sementara itu, beberapa negara *Commonwealth* mendefinisikan belia sebagai kumpulan yang berada pada umur antara 15–29 tahun (Fang, Gill & Talib, 2017 dan Lee Kuok Tiung *et al.*, 2016). Dalam konteks Malaysia, Dasar Belia Negara (DBN) 1997 mendefinisikan belia sebagai kumpulan yang berumur di antara 15–40 tahun. Namun, DBN juga menekankan bahawa aktiviti dan program pembangunan belia perlu memfokuskan kepada belia yang berumur di antara 18–25 (Fang *et al.*, 2017). Walau bagaimanapun, pada

tahun 2015, Menteri Belia dan Sukan pada masa itu, YB Khairy Jamaluddin menyatakan bahawa DBN yang akan dilaksanakan pada tahun 2018 akan meletakkan had umur 15 hingga 30 tahun sebagai definisi utama belia di negara ini (*The Borneo Post*, 17 Mei 2015). Namun, BN dalam PRU-14 dan pelantikan menteri baharu dalam hal ehwal yang berkaitan dengan belia iaitu Syed Saddiq Syed Abdul Rahman membuka ruang kepada dasar baharu berkenaan belia di negara ini.

Hakikatnya, peranan belia semakin diberi perhatian dan dianggap penting bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Malahan, *Commonwealth Heads of Government Meeting* (CHOGM) pada tahun 2002 dengan jelas menyebut tentang pentingnya peranan yang dimainkan oleh belia kepada masa depan di seluruh dunia. Para pemimpin negara Komanwel ini mengakui tentang kepentingan penglibatan golongan belia dalam proses pembentukan negara bangsa. Malahan, Jawatankuasa CHOGM ini mengesyorkan bahawa peranan belia penting kepada proses pendemokrasian. Dalam laporannya, ia menyebut bahawa;

The Commonwealth's future lies in the hands of its youth. They are the inheritors of fundamental values....The challenge is to enlist the enthusiasm of youth for the Commonwealth in the new century. We recognize that youth can make a major contribution to the work of the Commonwealth and propose bringing together a range of separate strands into a coherent 'Youth for the Future' initiative.

(CHOGM 2002: 10, dipetik dari Bessant, 2004: 389)

Berdasarkan kepada Banci Jabatan Perangkaan 2010, terdapat seramai 31.5 peratus (atau 9,411,600 orang) daripada penduduk Malaysia yang berjumlah 29,915,300 orang pada tahun 2010 adalah terdiri daripada golongan belia. Daripada jumlah tersebut, seramai 2.7 juta adalah terdiri daripada mereka yang berumur 15–19 tahun, 20–24 tahun (2.9 juta), 25–29 tahun (2.8 juta), 30–34 tahun (2.4 juta) dan 35–40 tahun adalah seramai 2.3 juta (Jabatan Perangkaan, 2013). Sementara itu, statistik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2017) menunjukkan, jumlah belia di Malaysia yang berumur di antara 15 sehingga 29 tahun pada tahun 2016 adalah seramai 9.3 juta orang daripada keseluruhan 31.7 juta penduduk yang ada di Malaysia (Jamilah *et al.*, 2017), menjadikan belia sebagai kumpulan yang sangat penting dalam konteks pembangunan negara. Mereka bakal menjadi pemimpin dan mewarisi negara ini. Menyedari kepentingan peranan dan tanggungjawab mereka, maka beberapa program dan aktiviti telah dirancang di peringkat nasional, negeri dan daerah yang bertujuan melahirkan belia yang sihat dan berjaya.

Menyedari kepentingan belia dalam pembangunan negara, Kerajaan Malaysia bertindak menubuhkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada tahun 1964 bertujuan untuk menerajui pemerksaan golongan belia. KBS juga bertanggungjawab untuk membangun dan mengimplementasikan DBN. Di samping itu, Pengurusan Pertubuhan Belia di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 menetapkan bahawa matlamat utama DBN adalah untuk melahirkan belia yang harmoni dan holistik serta dibekalkan dengan semangat yang kental dan nilai-nilai moral yang positif. Bagi mencapai matlamat tersebut, ia menekankan kepada pembangunan dan peningkatan kemahiran. Menyedari kepentingan belia di Malaysia, Najib Razak, Perdana Menteri Malaysia keenam merangkap Menteri Kewangan semasa membentangkan belanjawan pada 2013 berjanji bahawa kerajaan akan membelanjakan sekitar RM738 juta untuk pembangunan belia dan pembangunan sukan. Menurut Bank Dunia, bagi menjayakan pembangunan belia di negara ini, kerajaan

membelanjakan sekitar 21 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan negara untuk tujuan pembangunan belia (PMO, 2012).

Dalam konteks politik dan pilihan raya, peranan belia adalah sangat penting (Eko Prayitno *et al.*, 2016). Sehingga akhir 2017, terdapat sejumlah 18.7 juta pengundi berdaftar di Malaysia. Daripada jumlah ini, lebih daripada 40 peratus berumur antara 21 hingga 39 tahun (Mayuri, 2018). Di Sabah, jumlah pemilih berdaftar adalah seramai 1,117,337 dan kira-kira 40 peratus daripadanya adalah pengundi muda (Edward, 21 April 2018). Di beberapa kawasan, jumlah pengundi muda mempunyai peratusan lebih tinggi berbanding kategori pengundi lain. Data KBS menunjukkan bahawa dalam kumpulan belia mewakili populasi tertinggi di negeri Sabah. Di daerah Kinabatangan misalnya, seramai 113,900 orang penduduknya atau bersamaan dengan 70.9 peratus adalah terdiri daripada belia dan daerah Kunak menunjukkan 40,700 orang penduduknya (atau 59.7 peratus) adalah terdiri daripada kumpulan belia. Di daerah-daerah lain hal yang sama turut berlaku. Di daerah Lahad Datu terdapat seramai 115,000 orang (53.2 peratus), Beluran 61,400 orang (53.5 peratus), Ranau 79,000 orang (51.2 peratus), Sandakan 244,800 orang (57.6 peratus), Kota Kinabalu 222,400 orang (51.9 peratus), Tawau 223,600 orang (54 peratus), Semporna (64,200 orang) (46.5 peratus), Penampang 69,000 orang (50 peratus) (KBS, 2018) populasinya adalah terdiri dari kumpulan yang berada dalam kategori belia. Data yang ditunjukkan ini menunjukkan kumpulan belia mewakili separuh atau lebih daripada keseluruhan penduduk negeri Sabah.

PARLIMEN P.188 SILAM

Parlimen Silam P.188 merupakan kawasan yang terletak di pantai timur Sabah dan mempunyai tiga DUN di bawahnya iaitu N.49 Tungku, N.50 Lahad Datu dan N.51 Kunak. Secara tradisinya, berdasarkan kepada PRU sebelum ini, Parlimen Silam dan tiga DUN ini merupakan kubu kuat BN sejak dahulu. Dalam PRU13 misalnya, untuk parlimen Silam, calon BN, Datu Nasrun Datu Mansur memenangi PRU dengan jumlah undian sebanyak 23,058 undi berbanding pencabarnya daripada parti-parti lain. PKR yang diwakili oleh Badrulamin Bahron hanya mendapat sebanyak 9,671 undi dan Hj Dumi Pg. Masdal (BEBAS) hanya memperoleh 4,959 undi.¹ Sementara itu, untuk N49 Tungku, calon BN iaitu Datuk Mohd Suhaili Said memperoleh 7,848 undi berbanding calon-calon lain seperti Johani Abd Halim daripada PKR yang hanya memperoleh 2364 undi dan beberapa calon lain yang hilang deposit.² Satu lagi kawasan yang menjadi kubu kuat UMNO (BN) di Parlimen ini adalah N.50 Lahad Datu di mana dalam PRU-13, calon BN Mohd Yusof Apdal memperoleh 12,949 undi mengalahkan pesaing beliau seperti Hamid Awong (PKR) yang hanya memperoleh 4,534 undi dan beberapa calon Bebas yang memperoleh kurang dari 1,000 undi.³ Sementara itu, untuk kerusi N.51 Kunak, Nilwan Kabang daripada BN memperoleh sebanyak 6,394 undi berbanding calon-calon lain yang hampir keseluruhannya hilang wang pertaruhan (SPR, 2008).⁴ Berdasarkan kepada keputusan ini, dapat disimpulkan bahawa Parlimen Silam dan tiga DUN di bawah Parlimen tersebut merupakan kubu kuat kepada UMNO di negeri Sabah. Tidak menghairankan semasa kempen PRU-14 di Lahad Datu, beberapa pemimpin dan jentera BN serta beberapa pengundi yang ditemu bual yakin bahawa berdasarkan pengalaman beberapa PRU lepas, BN akan mendapat kemenangan yang besar dalam PRU14 (Temu bual, beberapa pemimpin dan jentera UMNO, 2018).


PRU-14 pada tahun 2018 menyaksikan seramai 15 calon bertanding daripada pelbagai parti politik untuk memenuhi jawatan di Parlimen Silam dan tiga DUN di bawah Parlimen terbabit. Empat daripada calon tersebut adalah calon daripada Parti BN, empat daripada Parti Warisan Sabah (PWS), empat daripada Parti Harapan Rakyat Sabah (PRS), dua daripada

Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan satu calon Parti Kebangsaan Sabah (PKS). Parlimen P.188 Silam menyaksikan persaingan empat penjuvu yang melibatkan penyandanganya, Nasrun Mansur (BN), Mohamadin Ketapi yang mewakili PWS, Shazianti Ajak (PRS) dan Ramli Pataruddin (PAS). Apabila keputusan diumumkan, Parlimen P.188 Silam telah dimenangi oleh Mohamaddin Ketapi dari PWS dengan jumlah undi sebanyak 23,352 undi, diikuti oleh Nasrun Mansur (16,951 undi), Ramli Pataruddin (1,431 undi) dan Siti Shazianti Ajak yang hanya memperoleh 1,306 undi. Bagi DUN N.50 Lahad Datu pula penyandanganya, Yusof Apdal (BN) ditentang oleh Dumi Pg. Masdal (PWS) dan Wong Yu Chin (Harapan). Kerusi tersebut telah dimenangi oleh Dumi Pg. Masdal daripada PWS yang mendapat 11,304 undi, Wong Yu Chin (663) dan Mohammad Yusof Apdal yang mendapat 8,372 undi (SPR. 2018a).

Di DUN N049 Tungku, calon muka baharu BN, Mizma Appeddullah berdepan persaingan empat penjuvu dengan Assaffal@Samsul Kamal P. Alian (PWS), Bulangan Panasi (Harapan) dan Abd. Rahman Taggoh (Parti Kebangsaan Sabah). Kerusi tersebut telah dimenangi oleh Assaffal (PWS) yang meraih 6,295 undi, disusuli oleh Mizma (BN) yang hanya mendapat 5,294 undi, Abd Rahman Taggoh (102 undi) dan Bulangan Panasi yang meraih 928 undi. Sementara itu, DUN Kunak pula, penyandang Nilwan Kabang daripada BN berdepan pencabar, Kasman Karate (PAS), Norazlina Arif (PWS) dan Sahing Taking (Harapan). Apabila keputusan diumumkan, kerusi N.51 Kunak dimenangi oleh Norazlinah (PWS) yang mendapat 4,898 undi. Bekas penyandang kerusi tersebut, Nilwan (BN) hanya memperoleh 4,630 undi, Sahing Taking (141 undi) dan calon PAS, Kasman Karate hanya meraih 492 undi (SPR. 2018a).

POLA PENGUNDI BELIA DI PARLIMEN SILAM UNTUK PRU-14


Jelasnya dalam PRU14, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pola pengundian ke atas parti-parti yang bertanding di Parlimen Silam. Berdasarkan kepada data pilihan raya, SPR 2018 mendapati bahawa untuk Parlimen 188 Silam, jumlah keseluruhan pengundi adalah seramai 61,014 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 31,697 orang adalah lelaki dan 29,317 perempuan. Sekitar 50.5 peratus pengundi di kawasan ini adalah pengundi bumiputera Islam Sabah dan 25.7 peratus Melayu. Jumlah pengundi untuk bangsa-bangsa lain mewakili peratusan yang kecil. Kaum Cina misalnya hanya mewakili 11.1 peratus, India (0.4 peratus) dan lain-lain bangsa mewakili 12.3 peratus daripada keseluruhan pengundi berdaftar (SPR, 2018). Namun, dalam memahami persoalan kepentingan belia dan politik di Sabah, data tentang kategori umur pengundi di Parlimen terbabit seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah perlu untuk dianalisis.



Sumber: SPR, 2018

Rajah 1 Peratusan pengundi mengikut kategori umur, P.188 Silam, 2018

Rajah di atas menunjukkan bahawa golongan belia di Parlimen Silam mewakili sejumlah besar pengundi iaitu sebanyak 48 peratus daripada keseluruhan pengundi, diikuti dengan pengundi dewasa yang mewakili 36.9 peratus dan golongan pengundi tua sebanyak 15.1 peratus. Rajah 1 menunjukkan pengundi belia mewakili sejumlah besar jumlah pengundi di Parlimen ini dan merupakan penentu kepada kemenangan calon-calon yang bertanding. Seperti yang dinyatakan pada perbincangan awal di atas, terdapat tiga DUN yang terdapat di bawah Parlimen P.188 Silam. Rajah di bawah menunjukkan peratusan jumlah pengundi berdasarkan kategori umur di tiga DUN utama di bawah parlimen Silam.



Sumber: SPR, 2018


Rajah 2 Peratusan pengundi berdasarkan kategori umur, 2018

Bagi data pengundi untuk N.49 Tungku, terdapat 11 Pusat Daerah Mengundi (PDM) dengan seramai 17,795 orang pengundi berdaftar atau mewakili 29.1 peratus bagi Parlimen Silam. Daripada jumlah ini, seramai 9,203 pengundi adalah lelaki dan 8,592 orang perempuan.⁵ Seperti pola pengundi di Parlimen Silam, bagi DUN N.49 Tungku, sekitar 50 peratus pengundinya terdiri daripada kumpulan yang berumur antara 21–40 tahun, 36 peratus berumur antara 41 hingga 60 tahun dan 13.6 peratus berumur 60 tahun dan ke atas. Di DUN ini, antara kawasan yang mempunyai jumlah pengundi belia tertinggi adalah seperti PDM Felda Sahabat dengan peratusan pengundi belia adalah 63.6 peratus atau bersamaan dengan 2,805 orang, PDM Tengah Nipah (60.9 peratus) mewakili 1,030 orang, PDM Tanjung Labian (54.6 peratus) 459 orang, PDM Silabukan (51.4 peratus) 978 orang dan PDM Tungku (46.7 peratus) atau 1,336 orang (SPR, 2018).

Di PDM Tengah Nipah misalnya, daripada 1,741 keseluruhan pengundi yang berdaftar, 29.4 peratus pengundinya adalah berumur antara 21–29 tahun dan 29.7 peratus berumur 30–39 tahun. Sementara itu, di PDM Tanjung Labian, 24 peratus pengundinya adalah berumur 21–29 tahun (208 orang) dan 29 peratus (251 orang) berumur dalam lingkungan 30–39 tahun. Hal yang sama turut berlaku di PDM Felda Sahabat di mana daripada 4,410 orang jumlah keseluruhan pengundi berdaftar, 29.9 peratus (1,322) pengundinya adalah berumur antara 21–29 tahun dan 33.6 peratus (atau 1,483 orang) pengundi berumur antara 30–39 tahun (SPR, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa peranan belia dalam menentukan kemenangan calon yang bertanding sangat signifikan dalam konteks DUN Tungku.

Di beberapa PDM lain jumlah pengundinya daripada kalangan belia adalah agak rendah. PDM Belacon sebagai contoh, pengundi belia hanya mewakili 23.3 peratus (182

orang pengundi) daripada 843 orang pengundi berdaftar, PDM North Road (37 peratus atau 277 orang) daripada 832 orang pengundi berdaftar dan PDM Tambisan yang mewakili 239 orang atau 34.1 peratus pengundi belia daripada keseluruhan 727 orang pengundi berdaftar. Hal yang sama turut berlaku di beberapa PDM lain di DUN tersebut. Namun, kebanyakan daripada PDM yang mempunyai jumlah pengundi belia yang sikit merupakan PDM di mana jumlah keseluruhan pengundi berdaftar adalah rendah. Ketiga-tiga PDM di atas misalnya hanya mewakili sekitar 12 peratus daripada keseluruhan pengundi di DUN Tungku. Rajah 3 menunjukkan peratusan jumlah pengundi berdasarkan kepada kategori umur di 11 PDM di DUN Tungku (SPR, 2018).




Sumber: SPR, 2018

Rajah 3 Peratusan pengundi mengikut kategori, DUN Tungku, 2018

Sementara itu, untuk kerusi N.50 Lahad Datu, terdapat 12 PDM dengan jumlah pengundi berdaftar seramai 28,703 orang, mewakili 47 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi P.188 Silam. Daripada jumlah tersebut, seramai 15,143 orang pengundi adalah lelaki dan selebihnya iaitu 13,560 orang adalah perempuan.⁶ Kumpulan belia mewakili 47.6 peratus dewasa (36.8 peratus) dan orang tua mewakili 15.6 peratus daripada keseluruhan pengundi di PDM terbabit. Antara PDM yang mempunyai jumlah pengundi belia yang tinggi adalah seperti PDM Sepagaya yang mempunyai pengundi muda berdaftar sekitar 64.7 peratus daripada jumlah keseluruhan 4,370 orang pengundi berdaftar.

Selain itu, beberapa PDM lain turut menunjukkan jumlah pengundi muda yang tinggi antaranya adalah seperti PDM Jalan Segama dengan jumlah pengundi belia mewakili 54 peratus (atau 972 orang) pengundi daripada sejumlah 1,877 orang pengundi berdaftar di PDM ini, PDM Silam (52.1 peratus atau 820 orang) daripada 1,460 orang pengundi berdaftar, PDM Singgahmata (55.2 peratus atau 1,898 orang) daripada 3,569 orang pengundi berdaftar, PDM Tabanac (47.7 peratus) 1,279 daripada 2,839 orang pengundi berdaftar, PDM Taman Fajar (61.8 peratus atau 1,378 orang) daripada 2,321 orang pengundi berdaftar dan PDM Ulu Segama dengan jumlah pengundi muda seramai 56.1 peratus atau seramai 1,098 orang pengundi berdaftar. Di PDM lain, jumlah pengundi belia juga amat tinggi. Di PDM Bandar Lahad Datu misalnya, kumpulan yang berumur antara 20–40 tahun mewakili 37.9 peratus; PDM Lapangan Terbang jumlah pengundi muda mewakili 40.8 peratus, PDM Panji Baru (36.2 peratus), PDM Sakar (41.6 peratus) dan PDM Segama terdapat sekitar 38.6 peratus

pengundinya yang berumur antara 20 hingga 40 tahun. Rajah 4 menunjukkan kategori umur pengundi berdasarkan PDM di DUN Lahad Datu (SPR, 2018).




Sumber: SPR, 2018

Rajah 4 Peratusan pengundi mengikut kategori, DUN Lahad Datu, 2018

Berdasarkan Rajah 4, sekitar 19 peratus (atau 5,462 orang) pengundi belia yang berumur antara 21–29 tahun di keseluruhan PDM bagi DUN Lahad Datu. Antara PDM yang mempunyai jumlah pengundi muda adalah seperti PDM Sepagaya dengan peratusan seramai 30.3 peratus (1,325 orang), PDM Singgahmata (23.2 peratus bersamaan dengan 830 orang pengundi berdaftar), PDM Silam (24 peratus bersamaan dengan 394 orang) dan Jalan Segama (22.59 peratus atau bersamaan dengan 424 orang pengundi berdaftar). Sementara itu, bagi kategori yang berumur 30–39 tahun, terdapat sekitar 28.5 peratus atau 8,202 orang pengundi di keseluruhan PDM. Antara PDM yang mempunyai peratusan tertinggi bagi kumpulan umur yang berada dalam lingkungan 30–39 tahun adalah seperti PDM Taman Fajar dengan peratusan sekitar 42.8 peratus atau 994 orang pengundi berdaftar, PDM Ulu Segama (32.6 peratus atau 358 orang pengundi berdaftar), PDM Sepagaya (31.8 peratus atau mewakili 1,390 orang jumlah pengundi berdaftar) dan PDM Jalan Segama sekitar 28.2 peratus atau 548 orang pengundi berdaftar. Secara umumnya, kesemua PDM di N50 mempunyai peratusan pengundi melebihi 20 peratus bagi pengundi yang berumur antara 30–39 tahun (SPR, 2018). Peratusan ini amat tinggi kerana mewakili 28.8 peratus daripada keseluruhan pengundi di DUN terbabit.

Bagi N51 Kunak, terdapat lapan PDM dengan jumlah pengundi seramai 14,516 orang (7,351 lelaki dan 7,165 perempuan) atau mewakili 23.7 peratus daripada keseluruhan pengundi Parlimen Silam (SPR, 2018).⁷ Dalam hal ini, sekitar 48.2 peratus pengundi yang berada di DUN tersebut adalah berada dalam kategori belia. Selebihnya, sekitar, 36.4 peratus adalah pengundi dewasa dan 15.4 peratus adalah pengundi warga tua. Antara PDM yang mempunyai jumlah pengundi belia yang tinggi adalah seperti PDM Pekan Kunak iaitu sekitar 64.3 peratus daripada 3,419 pengundi berdaftar, PDM Madai (56.5 peratus daripada 1,943 orang pengundi berdaftar), PDM Kunak Jaya (58.3 peratus daripada 1,960 orang pengundi berdaftar) dan PDM Pangi yang mempunyai undi belia sekitar 47.8 peratus. Sementara itu, di beberapa PDM lain seperti PDM Pengkalan Kunak, PDM Giram dan PDM Kampung Kunak jumlah pengundi mudanya adalah amat rendah, iaitu pengundi belia hanya mewakili 19.4

peratus daripada keseluruhan 1,354 orang pengundi berdaftar di PDM tersebut (SPR, 2018). Rajah 5 menunjukkan kategori umur pengundi berdasarkan PDM di DUN Kunak.



Sumber: SPR, 2018

Rajah 5 Kategori umur pengundi berdasarkan PDM, DUN Kunak, 2018

Berdasarkan Rajah 5, sekitar 20.5 peratus atau 3,782 pengundi berdaftar di DUN Kunak adalah berumur sekitar 21–29 tahun. Antara kawasan yang mempunyai jumlah pengundi muda adalah seperti PDM Pekan Kunak dengan peratusan sekitar 29.3 peratus atau bersamaan dengan 1,003 pengundi berdaftar, PDM Pangi (29.6 peratus atau 289 pengundi berdaftar) dan PDM Kunak Jaya yang mewakili 28.3 peratus (556 pengundi berdaftar). Sementara itu, terdapat sekitar 26 peratus pengundi (atau 3,782 pengundi berdaftar) berumur antara 30–39 tahun. PDM Pekan Kunak mewakili peratusan tertinggi kategori belia dengan jumlah sekitar 35 peratus atau mewakili 1,197 orang pengundi berdaftar, diikuti oleh PDM Kunak Jaya iaitu terdapat sekitar 29.9 peratus pengundi (atau 586 pengundi berdaftar) (SPR, 2018). Berdasarkan kepada maklumat tentang senarai pengundi berdaftar yang dibincangkan di atas, jelas menunjukkan bahawa parti-parti politik yang bertanding memerlukan undi daripada golongan belia yang berada pada lingkungan umur 21–39 tahun yang menjadi pengundi majoriti di Parlimen Silam.

BELIA DAN KELUHAN POLITIK DI PARLIMEN SILAM

Berdasarkan kerja lapangan di Parlimen Silam, jelas menunjukkan bahawa protes dalam kalangan belia kepada BN bukan satu perkara yang dapat disembunyikan. Protes ini dibuat secara terang-terangan melalui media sosial seperti Whatsapp, Facebook dan sebagainya. Berdasarkan kepada temu bual dan pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa di sekolah misalnya, guru-guru mula menyatakan rasa tidak senang mereka kepada BN, di pejabat kerajaan, stesen bas, kedai kopi, hospital sehingga ke rumah ibadat, rungutan kepada dasar dan pemerintahan BN tidak dapat disembunyikan. Bukan setakat itu, golongan remaja dan anak-anak kecil yang tidak tahu tentang politik nasional dengan berani meminta ibu bapa mereka untuk mengundi Parti Warisan.

Dalam kalangan belia, protes kepada BN amat ketara. Kegagalan BN menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan kepentingan dan kelangsungan belia menyebabkan kumpulan ini mula kritikal dan menunjukkan protes dan rasa tidak senang kepada pihak pemerintah. Keadaan lebih buruk berlaku kepada kumpulan yang baharu tamat pengajian di institusi pengajian tinggi kerana mereka amat terkesan dengan landskap sosioekonomi dan politik negara. Isu kenaikan harga barang, isu PTPTN, ketiadaan kerja, pembuangan kerja dan sebagainya mempengaruhi persepsi negatif mereka kepada BN yang dilihat gagal mentadbir negara dengan baik. Rasa tidak senang dan protes ini turut dibawa ke rumah dan mereka berterusan mendesak ibu bapa dan ahli keluarga untuk mengundi selain daripada BN. Dalam kalangan belia, kemarahan ini diterjemahkan dalam bentuk undi ke atas parti selain BN. Berbeza dengan beberapa PRU lepas, pada PRU-14, isu ini dilihat lebih mencabar kerana peranan media massa dan media elektronik yang 'menipiskan' lapisan antara kampung dan bandar yang akhirnya membawa perubahan besar kepada para pengundi, terutamanya kumpulan belia. Arshad, salah seorang responden yang diajukan soalan tentang isu GST dan bagaimana ia memberi kesan kepada kehidupan belia menyatakan;

Masa krisis ekonomi 1998, kerajaan tidak kacau rakyat...sekarang GST sangat membebankan rakyat...harga barang semua naik ... dari lahir (lampin anak) sampai ke mati (kain kafan) semua barang naik...

(Arshad, 27 April 2018)

Tidak menghairankan sekiranya sepanjang kajian lapangan di Parlimen Silam, pengkaji melihat bahawa lebih dari 90 peratus daripada responden belia yang ditemui menyatakan protes mereka terhadap parti pemerintah sebelumnya iaitu BN. Selain itu, antara isu-isu lain yang turut diberikan perhatian adalah berkaitan dengan peluang pekerjaan. Ihsan, seorang anak muda yang telah dua tahun bergraduasi dari salah sebuah universiti tempatan yang ditanya tentang isu peluang pekerjaan menjawab;

Orang tua tidak tahu perasaan orang muda. Kami belajar tinggi-tinggi tetapi tidak ada peluang pekerjaan... Ini semua kerana kelemahan ekonomi negara akibat salah urus-tadbir negara... Untuk apa kami mengundi BN.

(Ihsan (bukan nama sebenar), Lahad Datu, 2018)

Sementara itu, Zul seorang lulusan kejuruteraan salah sebuah universiti tempatan mengeluh bahawa beliau dibuang kerja kerana syarikat di mana beliau bekerja tidak mendapat kontrak daripada pihak kerajaan. Beliau menyatakan bahawa;

Saya suda menganggur hampir setahun... Saya dibuang kerja kerana masalah ekonomi ... tiada kontrak Orang kerajaan tidak faham kenapa kami marah dengan BN Negara tidak diurus dengan baik.

(Zul (bukan nama sebenar), Tungku, 4 Mei 2018)

Hal yang sama turut diutarakan oleh Ahmad, graduan universiti tempatan yang bekerja sebagai kerani sementara di salah sebuah syarikat swasta menyatakan bahawa isu 'kronisme', 'neoptisme', 'favoritisme', 'ethnisme' dan 'apartheidisme' sudah menjadi tradisi dalam ruang pekerjaan di daerah ini. Bagi beliau, para pemimpin BN yang menyuburkan budaya 'busuk' tersebut. Menurut beliau lagi,

Peluang pekerjaan makin susah... hanya kumpulan-kumpulan tertentu sahaja yang boleh memasuki jabatan kerajaan...yang ada kabel, yang ada keluarga... kroni ... tidak ada pemilihan telus ... sokongan politik wajib...kami harap kerja swasta sahaja

... harap-harap kerajaan bertukar dan lebih mudah bagi orang macam saya mendapat pekerjaan di sektor kerajaan...

(Ahmad (bukan nama Sebenar), Lahad Datu, 1 Mei 2018)

Sementara itu, Mahmud, salah seorang anak muda yang bekerja dengan industri keropok dan terlibat dalam aktiviti pasar malam di daerah Kunak turut menyuarakan rasa tidak senang mengenai pelaksanaan GST yang memberi kesan kepada perniagaan beliau. Menurut beliau;

Orang *business* paling terasa... untung semakin sedikit. Dulu sebelum GST aku boleh dapat RM1500.00 sampai RM2,000.00 untung sebulan. Sekarang selepas GST, bagus kalau ada RM500.00. Kadang-kadang menjual sampai malam pun tidak ada yang laku ... kalau begini bagus cari kerja lain.

(Mahmud, Kunak, 26 April 2018)

Selain itu, kajian di Parlimen Silam mendapati ramai belia terpinggir dan tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti yang berkait dengan belia. Belia di Mostyn, Kunak dan di beberapa kawasan di Felda Sahabat, Lahad Datu misalnya mengeluh kerana mereka tidak pernah diberikan sebarang bantuan dalam penganjuran sebarang program, tidak pernah dijemput, tidak pernah dimaklumkan tentang sebarang aktiviti berkait dengan belia dan tidak pernah dikunjungi oleh organisasi atau agensi belia. Hal ini menimbulkan kemarahan belia. Akibatnya, belia terpaksa mencari jalan keluar dengan menganjurkan aktiviti dalam kumpulan mereka. Lebih mengecewakan apabila belia terpinggir tersebut mula menerima kehadiran 'tetamu-tetamu kehormat' dan 'orang luar' semasa kempen pilihan raya dan dijanjikan dengan pelbagai aktiviti. Tahir, salah seorang wakil belia Mostyn, Kunak yang ditemu bual menyuarakan rasa tidak senang ini dengan menyatakan;

Bola sepak dan futsal merupakan penyatu orang muda di sini... Di sini ada lebih 100 orang muda yang boleh mengundi... malangnya setiap kali ada aktiviti berkait dengan belia di peringkat daerah Kunak, kami sering dipinggirkan... Kami tidak pernah dilawat, tidak pernah diberi bantuan, tidak pernah dijemput... kami terpaksa mencari jalan melaksanakan aktiviti untuk mengeratkan hubungan kami sesama belia di sini ... kami kecewa dengan sikap pemimpin di daerah ini.

(Tahir, 27 April 2018)

Pada masa yang sama, para belia turut mengeluh kerana persatuan dan organisasi, agensi dan wakil belia yang bergerak di peringkat persekutuan, negeri atau daerah hanya terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menyenangkan hati para pemimpin politik, terlalu *elitist* dan kurang mengambil tahu hal ehwal belia di kawasan yang jauh di kawasan luar bandar. Dengan kata lain, belia hanya dijadikan alat oleh sesetengah kumpulan untuk kepentingan tertentu. Kesannya, walaupun melibatkan kos perbelanjaan yang besar, impaknya kepada belia tidak dapat dilihat. Lebih menyedihkan apabila program-program berkait dengan belia gagal mencapai matlamatnya kerana majoriti daripada kumpulan belia tidak mendapat tempat dalam aktiviti yang dijalankan. Dalam kalangan belia yang ditemu bual menyatakan bahawa kebanyakan daripada persatuan belia yang wujud dan diberi tanggungjawab untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti belia tidak berjaya mendekati golongan belia secara amnya. Malahan, terdapat tuduhan bahawa persatuan dan agensi belia terbabit hanya digunakan sebagai alat untuk mendapatkan projek dan tender bagi sesetengah pemimpin belia. Bagi kumpulan belia, mereka hanya didekati semasa kempen-kempen pilihan raya dan akan terpinggir untuk tempoh lima tahun selepas itu.

ISU-ISU BELIA DAN KEMPEN PRU-14

Terdapat beberapa isu penting yang dikaitkan dengan belia sama ada di peringkat nasional ataupun negeri. Antara isu-isu penting yang cuba ditangani adalah berkaitan dengan isu pengangguran, kenaikan harga barang yang mendadak dan beberapa isu yang mempengaruhi persepsi belia di negara ini. Oleh itu, dalam PRU-14, kedua-dua parti politik utama, iaitu BN dan PH memberikan beberapa janji penting untuk memastikan bahawa kumpulan ini akan diberikan perhatian penting apabila kerajaan baharu dibentuk kelak. BN misalnya mengeluarkan satu manifesto khusus untuk anak muda yang dikenali sebagai “Jaminan Anak Muda.” Manifesto NM ini menggariskan lapan jaminan untuk memperhebat orang muda dalam tempoh lima tahun termasuk meningkatkan peluang pekerjaan dan latihan, meningkatkan pendapatan dan kemahiran, memperkasa ekonomi belia luar bandar, memudahkan usahawan muda mendapat bantuan dan meringankan beban keluarga muda. Bagi mencapai matlamat tersebut, BN menjanjikan beberapa inisiatif dan program antaranya SLIM2.0, *myinternship*, *myapprenticeship*, TVET, keusahawanan sosial dan sebagainya di samping janji bahawa anak muda Malaysia di bawah umur 30 tahun dengan pekerjaan atau latihan untuk pekerjaan dalam masa enam bulan selepas berdaftar dengan sistem Tawaran Orang Muda (BN, 2018). Selain itu, pemuda BN turut berjanji untuk menyediakan kehidupan berkualiti, memastikan peluang untuk segenap segmen dan mengangkat idea generasi Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Sementara itu, PH turut menjanjikan beberapa perkara kepada golongan muda sekiranya dipilih menjadi kerajaan. Antara janji-janji PH kepada kumpulan belia adalah untuk meningkatkan program perumahan mampu milik dan mampu sewa kepada golongan muda, meringankan beban hidup anak muda, membina generasi muda yang kreatif dan bebas serta beberapa inisiatif lain. Dalam masa yang sama, PH turut berjanji untuk mengurangkan beban kumpulan belia melalui penyelesaian masalah PTPTN, mengurangkan kadar cukai eksais import, rumah, membantu pasangan muda berumur di bawah 35 tahun dalam perkahwinan pertama mereka, menyediakan pelan terperinci untuk menyelesaikan masalah doktor-doktor muda atau *houseman* yang terpaksa menunggu terlalu lama dan membina generasi muda yang kreatif (untuk lebih lanjut lihat Manifesto Pakatan Harapan, 2018). Jelasnya, kedua-dua pihak memberikan jaminan kepada belia bahawa masa depan kumpulan belia terbabit akan terjaga di bawah pemerintahan baru ini.

ISU BELIA DAN KEMPEN PRU DI PARLIMEN SILAM

Dalam PRU14, dengan jumlah belia yang semakin meningkat, peranan belia sangat penting kepada kemenangan parti-parti yang bertanding. Menyedari akan hal ini, sejak awal pemilihan calon untuk bertanding pilihan raya, pemimpin politik dan belia di negeri Sabah mula mendesak untuk mengetengahkan calon-calon daripada golongan muda untuk bertanding dalam pilihan raya. Malahan, Presiden Majlis Belia Sabah, Nourman Rayn Awang Zaini melihat keperluan untuk meletakkan lebih ramai calon belia dalam PRU-14. Menurut beliau lagi,

Sudah tiba masanya kita di Sabah ini menerima muka-muka baharu bagi mengukuhkan lagi sokongan golongan muda kepada kerajaan, selain membantu menyumbangkan idea segar dalam penggubalan dasar kerajaan negeri agar Sabah terus sejahtera dan bertambah maju... TN50 hanya akan menjadi retorik semata-mata sekiranya tiada perubahan drastik yang dilakukan, terutamanya meletakkan calon muda yang bakal diserapkan ke dalam Kabinet kerajaan kelak.

(Edward, 2018)

Dalam hal ini, beberapa siri aktiviti dan ceramah untuk meraih undi yang dijalankan oleh calon-calon pilihan raya di Parlimen Silam. Bagi PWS misalnya, ia menekankan bahawa salah satu manifesto parti tersebut adalah menekankan kepada pembangunan dan memberi ruang kepada golongan belia dalam semua sektor kemajuan di Sabah. Malahan, PWS dalam manifestonya berjanji untuk menyediakan dana tahunan berjumlah RM100 juta sebagai bantuan kepada golongan belia untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dengan khidmat nasihat dan bimbingan yang berkesan. Dalam masa yang sama, PWS juga berjanji untuk menyediakan kemudahan sukan, pusat latihan dan bantuan peralatan kepada belia di samping menyediakan kuota 20 peratus kepada kumpulan ini untuk terlibat dalam jawatankuasa menggubal dasar dan jawatankuasa pembangunan daerah (PWS, 2018). Tidak menghairankan sekiranya Presiden PWS, Datuk Seri Shafie Apdal (DSSA) dalam siri jelajah ceramah beliau banyak menggunakan isu nasional yang menyangkut kepentingan belia seperti isu IMDB, GST, kenaikan harga barang, pengangguran dan sebagainya isu politik semasa berkempen. Malahan, beliau berjanji PWS akan memastikan isu pembangunan belia akan menjadi salah satu keutamaan beliau sekiranya dipilih menjadi kerajaan (Shafie, 2 Mei 2018). Hal yang sama turut disuarakan oleh Jumat Raudah, Ketua Wira Parlimen Silam dalam siri ceramah beliau di Sepagaya dan Silam yang berjanji akan mengangkat pembangunan belia sebagai salah satu agenda utama PWS sekiranya dipilih dalam PRU-14. Menurut beliau lagi;

... tidak ada pekerjaan... tidak ada pemimpin BN yang akan datang ke Silam untuk melihat masalah yang kamu hadapi ... beberapa penggal tidak ada kemajuan ... BRIM tidak boleh janji masa depan kamu ... tapi PWS berjanji untuk menyelesaikan masalah ini ... saya percaya 70 peratus anak muda menyokong perjuangan PWS.”

(Jumat, 1 dan 2 Mei 2018).

Bahkan, sepanjang siri kempen pilihan raya di Silam, isu belia merupakan antara perkara yang diberikan penumpuan utama oleh ahli-ahli politik dan calon yang bertanding. Di kerusi N.51 Kunak misalnya, menyedari akan kepentingan belia kepada pola pengundian dalam PRU-14, maka calon parti politik berusaha mendekati kumpulan tersebut. Norazlinah Arif, calon PWS misalnya menyatakan bahawa beliau meletakkan harapan yang tinggi kepada belia untuk menyokong beliau semasa pilihan raya. Bagi mencapai matlamat ini, beliau akan sentiasa memastikan ‘*engagement*’ yang berterusan dan berkongsi segala maklumat bersama dengan golongan belia melalui Facebook, Whatsapp dan sebagainya bagi meraih undi belia (Norazlinah, 28 Apr. 2018).⁸

Sementara itu, pemimpin PWS yang lain turut melihat bahawa belia dan golongan muda memainkan peranan yang penting dalam proses pilihan raya kerana mereka memainkan peranan penting dalam merealisasikan harapan untuk mengubah senario politik negara dan negeri Sabah khususnya. Jelasnya, peranan belia yang signifikan tidak boleh diketepikan dalam proses pilihan raya ini. Bagi calon PWS untuk Parlimen Silam, Muhamadin Ketapi melihat bahawa beliau sedar tentang peranan penting yang dimainkan oleh belia di Parlimen Silam dalam mempengaruhi pola pengundian ke atas parti-parti politik yang bertanding. Dalam siri ceramah yang dijalankan, beliau menunjukkan bagaimana kumpulan belia menjadi ‘bank’ kepada kekuatan PWS. Menurut Muhamadin, belia merupakan individu ‘waras’, ‘rasional’ dan inginkan perubahan dalam politik negara yang ‘korup’ di bawah pentadbiran BN (Muhamadin, 1 Mei 2018).

Namun, apabila ditanya bagaimana pendekatan dalam memenangi hati pengundi belia, Muhamadin menyatakan bahawa kumpulan ini secara automatik akan menerima

perubahan politik. Beliau menghujahkan bahawa ia tidak memerlukan *engagement* yang serius daripada PWS kerana kumpulan ini telah membuat keputusan untuk menukar kerajaan sejak awal lagi (Temu bual, Muhamadin, 1 Mei 2018). Jelasnya, berdasarkan pemerhatian pengkaji, PWS tidak mempunyai strategi khusus dalam memenangi kumpulan belia kerana mereka hanya mengharapkan kelemahan di pihak BN, sekali gus menjadi merangsang belia untuk membuat perubahan politik yang diharapkan di Malaysia dan negeri Sabah khususnya.

Hal yang sama turut disuarakan oleh calon N.49 Tungku, Assaffal Alian yang melihat bahawa golongan muda bakal menerajui perubahan politik negeri. Menurut beliau, PWS didukung oleh kumpulan anak muda yang inginkan perubahan dan melakukan kerja-kerja parti secara sukarela. Bagi beliau, strategi lawatan rumah ke rumah dan pintu ke pintu merupakan strategi penting untuk menawan hati golongan belia. Beliau turut menegaskan bahawa wira PWS akan bergerak kesemua kawasan untuk bertemu dengan ‘budak-budak motor’ serta melakukan gerak-gempur ke kawasan yang biasa menjadi kawasan pertemuan belia. Malahan di beberapa kawasan seperti di Felda Sahabat sebagai contoh, Pergerakan Wira PWS telah melakukan gerak-gempur lebih awal sebelum pembubaran Parlimen lagi. Pergerakan Wira PWS mengetengahkan beberapa isu penting terutamanya kepada generasi kedua Felda seperti isu perumahan, tanah, pekerjaan dan sebagainya (Temu bual, Assaffal, 24 Mei 2018).

Sementara itu, BN turut memberikan beberapa janji kepada belia. Bekas Ketua Menteri Sabah, Musa Aman semasa melancarkan manifesto untuk Sabah menekankan bahawa pembangunan Belia dan Sukan merupakan agenda utama BN di negeri Sabah. BN Sabah berjanji ia akan memastikan prasarana sukan dan peralatan yang lebih moden dan mencukupi, memantapkan sistem latihan bagi melahirkan juara dan menyusun program pembangunan dan menjaga kebajikan atlet negeri, di samping beberapa program lain untuk kepentingan belia jika dipilih menerajui kerajaan (BN Sabah, 2018 dan *Sinar Harian*, 25 April 2018). Malahan, pemangku Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Madius Tangau semasa mengulas manifesto BN menyatakan bahawa BN akan lebih komitmen ke atas pembangunan belia pada masa akan datang sekiranya dipilih menjadi pemerintah dalam PRU14 ini. Menurut beliau;

...pembangunan untuk belia tidak dilupakan, malah BN negeri meletakkan usaha untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang tentunya memberi manfaat kepada golongan belia.

(Mohd Izham, 26 April 2018)

Bagi mendekati kumpulan belia, wakil BN untuk Parlimen Silam, Yusof Apdal menggunakan beberapa strategi termasuk bertemu dengan kumpulan belia. Dalam satu pertemuan yang diadakan pada 30 April 2018 di Restoran Aulia, Bandar Lahad Datu bersama-sama dengan beberapa pemimpin belia untuk Parlimen Silam, beliau memberikan jaminan bahawa Kerajaan BN yang bakal dipilih merupakan kerajaan yang akan menjamin masa depan belia. Dengan menggunakan TN50 sebagai platform untuk meraih sokongan belia, beliau menyatakan bahawa BN telah dan akan melaksanakan beberapa program untuk kepentingan belia. Menurut beliau lagi, BN menyelami denyut nadi golongan belia sambil memberikan jaminan bahawa untuk tempoh lima tahun akan datang, masalah perumahan dan pekerjaan akan dapat diatasi dalam kalangan belia (Temu bual, Yusof, 30 April 2018).

... saya merayu agar belia bijak menimbangkan keputusan mereka ... jangan lihat isu peribadi ... pilihlah kerajaan yang mampu menjamin masa depan belia. Jangan pilih

kerajaan yang hanya pandai berpolitik tetapi tidak boleh menjaga kepentingan negara .. pilihlah kerajaan yang boleh menjaga kebajikan belia ... kita meraih kejayaan untuk bersama-sama dengan belia.

(Yusof, 30 April 2018).

Sementara itu, Mizma Apehdullah, calon wakil rakyat BN untuk kerusi N.49 Tungku mengakui bahawa hubungan rapat beliau dengan belia telah terjalin semasa beliau baharu terlibat dalam politik. Mizma percaya bahawa golongan belia yang menjadi pengundi utama di Tungku bakal memberikan sokongan kepada beliau (Mizma, 4 Mei 2018). Menyedari kepentingan belia, beliau melaksanakan beberapa siri ceramah, program dan lawatan ke kawasan-kawasan utama di Tungku. Malahan, beberapa aktiviti telah dirancang bersama-sama dengan belia. Salah satu daripada program tersebut adalah aktiviti bersama belia Felda Sahabat pada 26 Mei 2018 (Temu bual, Mizma, 1 Mei 2018).

Nilwan Kabang, calon BN di kerusi N.51 Kunak pula melihat bahawa peranan belia penting dalam pilihan raya. Namun, beliau melihat bahawa BN telah menyediakan platform terbaik dalam menyelesaikan masalah belia melalui pengenalan TN50 yang menjadi agenda utama kerajaan sekiranya BN dipilih semula menjadi pemerintah. Bagaimanapun, beliau turut menegaskan bahawa tanggungjawab ke atas pembangunan belia turut perlu diambil oleh syarikat-syarikat perladangan yang banyak terdapat di Kunak. Langkah ini bagi membantu pihak pemerintah melaksanakan dasar-dasar yang sesuai ke atas pembangunan belia di Kunak (Nilwan, 27 April 2018).

KEPUTUSAN DAN POLA PENGUNDIAN PRU-14: BELIA SEBAGAI PENENTU

Berdasarkan kepada keputusan pilihan raya bagi Parlimen Silam, didapati bahawa persaingan hanya berlaku di antara BN dan PWS. Parti-parti lain pula kurang memberikan impak yang besar kepada pola pengundian dalam PRU-14. Dalam hal ini, untuk kerusi N.49 Tungku, PWS memenangi hampir kesemua saluran di PDM SJKC Chee Vun, PDM SK Lahad Datu II, PDM SK Benuang, PDM SMK Tungku, PDM Mini Dewan Tambisan dan PDM SK Tanjung Labian. Langkah ini menunjukkan bahawa protes kepada BN bukan sahaja berlaku dalam kalangan belia, tetapi juga pengundi kategori dewasa dan tua. Sementara itu, di PDM lain misalnya PDM SMK Silabukan dan PDM SK Sahabat 16, saluran 3 dan 4 yang mewakili kumpulan belia banyak membantu PWS di PDM terbabit (SPR, 2018a). Jelasnya, berdasarkan kepada pola pengundian di DUN Tungku menunjukkan bahawa di kawasan yang masih menjadi kubu kuat BN, pengundi muda menjadi faktor utama kemenangan PWS.

Namun, berbeza dengan Kerusi N50 Lahad Datu, hampir kesemua saluran memberi kemenangan kepada PWS. Hal ini menunjukkan protes tersebut tidak terhad kepada golongan muda dan belia, tetapi ia berlaku pada semua saluran. Walaupun terdapat beberapa PDM yang mana BN masih mendapat undi yang besar, majoriti undian kepada PWS adalah datangnya dari saluran 3, 4 dan 5 yang mewakili kumpulan muda. Keadaan ini jelas dalam kes PDM SK Sepagaya (SPR, 2018a). Sementara itu, bagi kerusi N51 Kunak, semua PDM SK Kampung Selamat dan PDM SK Pangi menyumbang kepada kemenangan PWS di semua saluran. Di PDM lain, seperti pola pengundian di DUN lain, saluran 3, 4 dan 5 menjadi penentu kepada kemenangan PWS. Di PDM SK Kunak Jaya sebagai contoh, penyumbang terbesar kemenangan PWS adalah datangnya dari saluran 3, 4 dan 5. Hal yang sama turut berlaku kepada PDM SK Madai, iaitu saluran 3 dan 4 menjadi penentu kepada kemenangan PWS (SPR, 2018a).

Berdasarkan kepada keputusan di keseluruhan PDM untuk Parlimen Silam, beberapa penjelasan tentang pola pengundian dapat diberikan. Pertama, wujud undi protes kepada BN dalam PRU-14. Hal ini dapat dilihat melalui pola pengundian terutamanya di DUN Lahad Datu, iaitu keputusannya menunjukkan bahawa undi protes tidak hanya berlaku dalam kalangan pengundi muda, tetapi ia turut berlaku kepada kumpulan dewasa dan tua. Keadaan ini menunjukkan bahawa protes pengundi kepada BN diterjemahkan dalam bentuk undian kepada PWS. Oleh itu, tidak menghairankan sekiranya PWS memperoleh majoriti undi di hampir kesemua PDM di DUN terbabit. Kedua, belia merupakan *kingmaker* kepada kemenangan PWS dalam PRU-14 di Parlimen Silam. Berdasarkan kepada data-data undian di Parlimen Silam, didapati bahawa hampir kesemua PDM di ketiga-tiga DUN ini menunjukkan bahawa saluran 3, 4 dan 5, iaitu mewakili kumpulan belia memberikan undian mereka kepada PWS. Tidak menghairankan sekiranya dikatakan bahawa belia merupakan pemain dan pencetus kepada revolusi PRU-14 bersama-sama dengan elemen protes seperti yang dibincangkan di atas.

BELIA DAN PASCA PRU-14 DI SABAH

Seperti yang dibincangkan di atas, berdasarkan kepada pengalaman PRU-14 di Parlimen Silam mendapati bahawa belia merupakan kumpulan yang paling sensitif kepada sebarang perubahan. Dalam masa yang sama, mereka mewakili kumpulan yang inginkan dan menggerakkan perubahan. Mereka inginkan kepuasan dan kepuasan tersebut hanya akan dicapai melalui perubahan parti pemerintah. Dalam hal ini, berdasarkan pengalaman di Parlimen Silam, penulis menghujahkan bahawa kempen semasa pilihan raya tidak memainkan peranan yang penting dalam memahami persoalan belia dan pilihan raya kerana kumpulan belia telah membuat keputusan lebih awal untuk memilih parti yang ingin diundi.

Selain itu, penulis turut mendapati bahawa tahap kesedaran dalam kalangan belia tentang politik di Parlimen Silam ini adalah sangat tinggi. Hujah ini dibuktikan melalui kesedaran belia berhubung kepentingan politik dan pilihan raya kepada kelangsungan belia. Ringkasnya, belia di Parlimen Silam melihat bahawa mereka tidak mempunyai saluran untuk melakukan perubahan selain daripada melalui pilihan raya. Mereka melihat bahawa saluran politik merupakan satu-satunya jalan keluar kepada masalah yang dihadapi. Malahan, terdapat ramai di antara belia Parlimen Silam yang bekerja di daerah yang jauh seperti di Kota Kinabalu dan Semenanjung sanggup kembali ke kampung halaman mereka untuk mengundi dalam PRU-14. Hakikatnya, kesedaran belia berkenaan politik merupakan cabaran yang besar kepada parti pemerintah pada hari ini. Jelasnya, kegagalan merangka dasar berkait dengan kepentingan belia akan memberikan kesan kepada kelangsungan belia pada masa akan datang.

Di samping itu, penulis turut mendapati bahawa akses yang mudah dalam kalangan belia kepada media sosial dan elektronik turut memberikan kesan kepada persepsi belia kepada parti-parti politik yang bertanding. Anak-anak muda ini disogokkan dengan ribuan maklumat setiap hari dan mereka amat mudah mempercayai maklumat yang diterima tanpa cuba mempersoalkan kesahihan maklumat terbabit. Hal ini juga perlu diberikan perhatian oleh parti pemerintah kerana dalam usaha negara melahirkan masyarakat seimbang dan bermaklumat, pemerintah perlu mewujudkan satu mekanisme untuk mengawal dan memastikan kumpulan anak-anak muda ini lebih matang dan bijak dalam menerima dan menilai maklumat yang diterima.

Peningkatan jumlah belia yang semakin tinggi di peringkat nasional dan peringkat negeri turut perlu diberikan perhatian. Menurut perangkaan Malaysia, bagi daerah Lahad Datu dan Tungku pada tahun 2017, jumlah penduduk yang berumur 15–19 tahun adalah seramai 30,5645 orang. Bagi daerah Kunak, jumlahnya adalah sekitar 7,401 orang (Perangkaan, 2017). Untuk tempoh lima tahun akan datang, semasa PRU-15, kategori ini bakal menjadi penyumbang utama kepada pengundi majoriti di Parlimen Silam lebih-lebih lagi apabila wujudnya rancangan untuk menurunkan had umur mengundi daripada 21 pada masa ini kepada 18 tahun pada masa akan datang (Augustin, 30 Julai 2018). Oleh itu, suka atau tidak, kerajaan semasa perlu memberikan perhatian utama kepada kumpulan terbabit.

Seperti yang diujahkan di atas, belia mempunyai beberapa ciri penting yang amat ketara, mereka inginkan perubahan radikal, kritikal dan *anti-establishment*. Dalam konteks politik, ciri-ciri ini lebih memihak kepada parti yang membangkang berbanding parti pemerintah. Dalam konteks politik nasional dan negeri pasca PRU-14, berhadapan dengan persepsi dan jumlah belia yang meningkat, parti pemerintah mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mendepani isu terbabit. Dalam konteks negeri Sabah, parti pemerintah, terutamanya PWS-PH-UPKO mempunyai beban yang besar dalam mendepani isu-isu berkait dengan kepentingan belia bagi memastikan kelangsungan parti pemerintah.

Hakikatnya, selepas mendapat kuasa pada PRU-14, PWS-PH-UPKO perlu lebih bijak dan meningkatkan program-program *engagement* bersama golongan belia yang sangat sensitif kepada perubahan semasa. Berbeza dengan golongan berumur yang lebih senang untuk mengekalkan *status quo*, golongan muda tidak teragak-agak untuk melakukan perubahan. Golongan muda merupakan agen perubahan. Namun, dalam masa yang sama perubahan juga perlu dilengkapi dengan ilmu. Oleh itu, PWS-PH-UPKO perlu melaksanakan beberapa dasar di peringkat negeri yang bersifat *inclusive* (bukan eksklusif atau elitis) dengan melaksanakan program-program yang bermanfaat dan memberi keuntungan kepada golongan belia. Parti pemerintah perlu memberikan perhatian yang lebih besar dalam isu keterpinggiran belia sepanjang era pentadbiran sebelumnya. Usaha-usaha mendekati belia perlu dilakukan lebih awal dan ia bukan hanya menjadi rutin apabila tibanya musim pilihan raya kerana belia semakin sedar tentang hak mereka. Kegagalan berbuat demikian akan meninggalkan kesan yang besar kepada kelangsungan politik parti pemerintah.

Selain itu, organisasi-organisasi belia perlu lebih proaktif dalam mendekati kumpulan belia. Para pemimpin belia sama ada di peringkat negeri atau nasional perlu menolak tuduhan bahawa mereka hanya menjadikan persatuan belia sebagai alat untuk mendapatkan kuasa dan projek-projek kerajaan. Persatuan belia juga perlu mengelakkan sikap dan mentaliti elitist atau eksklusif di mana hanya kumpulan belia-belia tertentu yang menjadi ahli kepada persatuan belia tersebut. Hakikatnya, kumpulan anak-anak muda melihat bahawa persatuan belia merupakan badan penggerak kepada dasar dan polisi pemerintah. Oleh itu, sebarang kegagalan persatuan dan organisasi belia dalam melaksanakan program belia hanya akan mewujudkan persepsi negatif bahawa parti pemerintah, di peringkat negeri atau nasional gagal mengurus negara dengan baik.

Sementara itu, parti pemerintah juga perlu mempunyai satu dasar yang ‘membumi’⁹ di mana falsafah dan implementasi kepada dasar belia terbabit kelak mudah difahami oleh golongan muda. TN50 yang dianjurkan oleh BN sebagai contoh, walaupun menyediakan landasan dan peluang yang luas kepada golongan belia, idea dan konsepnya yang terlalu ‘besar’ menyebabkan ia sukar difahami oleh anak-anak muda. Ia hanya menjadi retorik yang ‘sedap didengar’ dan ‘sesuai digunakan untuk mempromosikan imej negara di luar sana’,

namun malangnya ia tidak meninggalkan sebarang kesan kepada anak muda, tidak membumi, tidak 'berasuk'¹⁰ dan tidak difahami oleh anak-anak muda di kawasan luar bandar seperti di Parlimen Silam. Bagi anak-anak muda, apa yang lebih penting adalah isu 'perut', isu 'mahu kahwin', isu 'kerja', isu 'rumah' dan beberapa isu lain yang penting kepada masa depan mereka. Jelasnya, parti pemerintah perlu merangka dasar yang lebih komprehensif, 'membumi' dan 'merasuk' perasaan anak-anak muda bagi mengelakkan timbulnya persepsi bahawa mereka adalah 'anak tiri' dalam satu keluarga yang besar di negeri Sabah.

Selain dasar-dasar yang bersifat domestik, satu lagi cabaran besar PWS-PH-UPKO sebagai pemerintah di negeri Sabah untuk mencapai matlamat pembangunan belia adalah berkait hubungannya dengan Kerajaan Persekutuan. Ia banyak bergantung kepada bagaimana Kerajaan Pusat menyelesaikan isu berkait dengan kepentingan belia. PWS-PH-UPKO agak bernasib baik kerana berada pada posisi yang tepat kerana Kerajaan Pusat yang diperintah oleh PH mempunyai matlamat dan perjuangan yang sama dengan pemerintahan negeri Sabah. Oleh itu, tidak timbul masalah bagi PWS untuk kekal relevan dengan syarat Kerajaan Persekutuan mampu menyelesaikan isu-isu nasional yang berbangkit pada hari ini. Dengan kata lain, kejayaan Kerajaan Negeri Sabah di bawah PWS-PH-UPKO banyak bergantung kepada dasar-dasar yang dijalankan dan dijayakan oleh Kerajaan Persekutuan dalam menangani masalah dan keluhan belia di peringkat negeri. Oleh itu, kedua-dua pihak, negeri dan persekutuan, perlu berganding bahu dalam mendepani isu terbabit. Kegagalan salah satu pihak akan memberi kesan yang buruk kepada penerimaan kumpulan belia, terutamanya kepada kelangsungan PWS-PH-UPKO pada PRU akan datang.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada keseluruhan pembincangan di atas jelas menunjukkan bahawa belia merupakan elemen penting kepada pembangunan negara bukan sahaja kerana mereka mewakili kumpulan majoriti, tetapi dalam masa yang sama belia juga merupakan generasi yang bakal menentukan hala tuju negara pada masa hadapan. Dalam konteks politik, peranan belia sangat signifikan kerana jumlah mereka yang majoriti dalam daftar pengundi negara. Oleh itu, berdasarkan kepada kajian ke atas Parlimen Silam dalam PRU-14, kajian ini mendapati bahawa sokongan belia ke atas PWS di Parlimen Silam adalah disebabkan oleh kegagalan pemerintahan terdahulu melaksanakan dasar yang berguna kepada kepentingan belia. Oleh itu, walaupun BN dilihat mempunyai strategi dan pendekatan yang menarik dalam meraih sokongan golongan belia berbanding PWS, kegagalan BN dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar yang mampu menarik minat belia merupakan penyebab kepada kekalahan tersebut. Oleh itu, pasca PRU-14 menyaksikan bahawa parti pemerintah di peringkat negeri dan persekutuan mempunyai tugas dan tanggungjawab yang besar dalam memastikan agar keperluan dan kehendak golongan muda ini dipenuhi bagi memastikan mereka terus memberi sokongan kepada parti pemerintah. Kegagalan memahami inspirasi dan iltizam golongan muda bakal memberikan kesan buruk kepada kelangsungan parti pemerintah di negeri Sabah dan di peringkat nasional secara keseluruhannya.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui geran penyelidikan SDK0038-2018. Para penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan dan penilai makalah ini atas komen yang membina yang diberikan.

RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang & Jamil Ahmad. (2017). Aspirasi terhadap kepimpinan politik negara. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 16, 19–47.
- Ahmad (bukan nama Sebenar). (2018). Temu bual, Lahad Datu, 1 Mei.
- Armendra Abd. Rashid. (2018). Temu bual, YDP Persatuan Usahawan Aspirasi, Lahad Datu, 30 April.
- Arshad (bukan nama sebenar). 2018. Temu bual, peniaga, Kunak, 27 April.
- Arshad. 2018. Temu bual, 27 April.
- Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian. (2018). Temu bual, Calon N.49 Tungku, (Tungku), 4 Mei.
- Augustin, R. (2018). Umur mengundi 18 tahun: Umno sasar ahli lebih muda. *FMT*, 30 Julai.
- Bessant, J. (2004). Mixed messages: Youth participation and democratic practice. *Australian Journal of Political Science*, 39 (2), 387–404.
- BN. (2018). Jaminan Orang Muda. <https://www.najibrazak.com/en/manifesto-pru14/>
- BN Sabah. (2018). *20 Manifesto Barisan Nasional Sabah*, www.bnsabah.org.my
- Borneo Post*. (2015). Khairy: New definition of youth age to be implemented in 2018. 17 Mei.
- Datu Shahrun. (2018). Temu bual, Pengerusi Belia Kreatif, Lahad Datu, 30 April.
- Edward, A. (2018). PRU14: Berapa ramai calon muda akan ditampilkan, *Malaysiakini*, 21 April.
- Eko Prayitno Joko. (2014). Isu pemilikan wilayah pantai timur Sabah: Satu penelusuran daripada sudut sumber sejarah. *Jurnal Kinabalu*, 20, 1–34.
- Eko Prayitno Joko, Zaini Othman & Saat Awg. Damit. (2016). Belia dan kelangsungan hegemoni Barisan Nasional: Kajian kes Pilihan Raya Umum 13 di Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas, Edisi Khas*, 1–18.
- FMT. (2018). Manifesto pemuda BN garis 8 jaminan untuk belia. *FMT*. 10 April.
- Hj Dur (bukan nama sebenar). (2018). Temu bual, Kunak, 27 April.
- Hj Hussien Ibnu Hassan. (2018). Temu bual, Pengerusi Persatuan PIBG, Kunak 27 April.
- Hj. Dumi Pg. Masdal. (2018). Calon N.50 Lahad Datu, Siri Ceramah PWS, Sepagaya, Lahad Datu, 1 Mei.
- Ihsan (bukan nama sebenar). (2018). Temu bual, Lahad Datu.
- Jamilah Ahmad, Nurzali Ismail & Nur Nasliza Arena & Mohamad Nasir. (2017). Belia dan isu jenayah masa kini di Malaysia, *Malaysian Journal of Youth Studies*. 16. 49–70.
- Jumat Raudah. (2018a). Jumat Raudah: Siri ceramah PWS, Sepagaya, Lahad Datu, 1 Mei.
- Jumat Raudah. (2018b). Jumat Raudah: Siri ceramah PWS, Silam, Lahad Datu, 2 Mei.
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS). (2018). Aplikasi pemetaan belia Malaysia, <http://petabelia.kbs.gov.my/>
- Lee Kuok Tiung, Aisah Meri, Liana Mat Nayan & Siti Suriani Othman. (2016). Kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan belia Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 32(2), 790-816
- Lep Joh, Temu bual. (2018). Ketua RELA Lahad Datu, Lahad Datu, 2 Mei.
- Lin (bukan nama sebenar). (2018). Temu bual, penjawat Awam, Kunak, 28 April.
- Lya Rosniah. (2018). Temu bual, Ketua Wirawati Silam, Lahad Datu 28 April.
- Mahmud (bukan nama sebenar). (2018). Temu bual, peniaga, Kunak, 26 April.
- Manifesto Pakatan Harapan. (2018). *Buku Harapan: Membina negara memenuhi harapan*. www.keadilandaily.com
- Men (bukan nama sebenar). (2018). Temu bual, pegawai kerajaan, Kunak, 27 April.
- Mizma Appehdullah. (2018). Siri Ceramah Bersama UMNO Tungku, 4 Mei.
- Mizma Appehdullah. (2018). Temu bual, Calon N49 Tungku Lahad Datu, 1 Mei.

- Mohd Izham Unnip Abdullah. (2018). Manifesto menyeluruh majukan Sabah. *Harian Metro*. 26 April.
- Mohd Najib, A.R. (2015). Teks ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia sempena sambutan Hari Belia Negara 2015.
- Muhamadin Ketapi. (2018). Temu bual, Calon PWS P.188: Silam, 1 Mei.
- Muhamadin Ketapi. (2018). Calon P.188: Silam, Siri Ceramah PWS, Sepagaya, Lahad Datu 1 Mei.
- Mun (bukan nama sebenar). (2018). Temu bual, peniaga, Kunak, 27 April.
- Nordin Sakke, Ramli Dolah & Mohammad Tahir Mapa. (2009). Penghijrahan dan Perkembangan Masyarakat Bugis di Sabah. Dlm. Asmiaty Amat (Ed.). *Bugis Sabah. Siri Etnik Sabah*. Kuala Lumpur: Penerbit ITBM-UMS.
- Nilwan Kabang. (2018). Temu bual, Calon N.51, Kunak, 27 April.
- Norazlina Arif. (2018). Temu bual, Calon N.51, Kunak, 27 April.
- Parti Warisan Sabah. (2018). *Manifesto Parti Warisan Sabah: Pilihan raya Umum Ke-14*.
- Perangkaan. (2013). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia - Taburan Penduduk dan ciri-ciri asas demografi*. Kuala Lumpur: Perangkaan.
- Perangkaan. (2017). *Buku tahunan perangkaan Sabah*. Kuala Lumpur: Perangkaan.
- Prime Minister's Office of Malaysia (PMO). (2012). 2013 Budget speech: "Prospering the nation, enhancing well-being of the rakyat: A promise fulfilled". 28 September.
- Ramli Dollah & Eko Prayitno Joko. (2015). Dasar 'memakmurkan jiran' dan penglibatan Malaysia dalam proses keamanan di Selatan Filipina. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 42(1), 77–112.
- Ramli Dollah, Marsitah Mohd Radzi, Wan Shawaluddin Wan Hassan & Amrullah Maraining. (2015). Elemen fizikal dan bukan-fizikal dalam pembentukan sempadan: Pengalaman pembentukan identiti dalam kalangan komuniti sempadan di Pantai Timur Sabah, Malaysia. *Geografia*, 11(7), 9–20.
- Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters & Zaini Othman. (2016). Old threats, new approach and national security in Malaysia: Issues and challenges in dealing with cross-border crime in East Coast of Sabah. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3), 178–186.
- Ramli Dollah, Zaini Othman, Wan Shawaluddin Wan Hassan & Salmie Jemon. (2017). Peranan peristiwa dalam pembentukan identiti: Peristiwa Tanduo 2013 dan Pembentukan Identiti Masyarakat Suluk (Tausug) di Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 23, 21–42.
- Shafie Apdal. (2018). Siri ceramah pemimpin bersama rakyat, Silam, 2 Mei.
- Sinar Harian*. (2018). 20 komitmen BN Sabah. 25 April.
- Solleh (bukan nama sebenar). (2018). Temu bual, penjawat awam, Lahad Datu, 28 April.
- SPR. (2018). *Data Pengundi ST4 2018*. Tidak diterbitkan.
- SPR. (2018a). Helaiian mata (*score sheet*) bahagian pilihan raya negeri Sabah. Tidak diterbitkan.
- Tahir (bukan nama sebenar). (2018). Temu bual, wakil belia, Mostyn, 27 April.
- Welsh, B. (2018). 'New' or 'old' Sabah in New Malaysia?, *Malaysiakini*. 17 Julai.
- Y. X. Fang, Sarjit S. Gill & A. T. Talib. (2017). Political participation of minority youth in Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 16, 117–127.
- Yusof Apdal. (2018). Datuk Yusof Apdal bersama wakil belia Silam, Restoran Aulia, Bandar Lahad Datu, 1 Mei.
- Yusof Apdal. (2018). Temu bual, Calon N50 Lahad Datu, Lahad Datu, 30 April.
- Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah, Amrullah Maraining & Kim Jong Eop. (2016). Malaysia's 13th General Election: Sabah-Barisan Nasional Fixed-Deposit State?. *Southeast Asia Review*, Korea, 26(3), 91–118.
- Zul (bukan nama sebenar). (2018). Temu bual, Tungku, 4 Mei.

NOTA HUJUNG

¹ Dalam PRU-12 pada tahun 2008 untuk Parlimen Silam, calon BN Salleh Kalbi memperoleh 18,111 undi mengalahkan lawannya pencabarnya Hasbullah Imam Ohang @ Mohd Taha yang memperoleh 8,319 undi.

² Dalam PRU-12 untuk N.49 Tungku, calon BN, Mohd. Suhaili bin Said memenangi pilihan raya ini dengan mendapat 4,828 undi mengalahkan pencabarnya Jamal Sulai (2,446 undi) dan Raja Mohamad yang hanya memperoleh 164 undi.

³ Dalam PRU-12 untuk N.50 Lahad Datu, calon BN, Datu Nasrun Datu Mansur mendapat 8,034 undi dan mengalahkan pencabarnya iaitu Zainuddin Zulkarnain yang memperoleh 4,976 undi.

⁴ Dalam PRU-12 untuk N.51 Kunak, calon BN, Nilwan Kabang memperoleh 5,083 undi mengalahkan pencabarnya Bedu Kudusa yang hanya memperoleh 968 undi.

⁵ Antara PDM bagi DUN Tungku adalah seperti berikut: Belacon, Dam Road, Felda Sahabat, North Road, Segangan, Silabukan, Tambisan, Tanjung Labian, Tengah Nipah, Tungku dan Ulu Tungku.

⁶ Antara PDM bagi DUN Lahad Datu adalah seperti berikut: Bandar Lahad Datu, Jalan Segama, Lapangan Terbang, Panji Baru, Sakar, Segama, Sepagaya, Silam, Singgahmata, Tabanac, Taman Fajar dan Ulu Segama.

⁷ Antara PDM bagi DUN Kunak adalah seperti berikut: Giram, Kampung Kunak, Kunak Jaya, Madai, Mostyn, Pangi, Pekan Kunak dan Pengkalan Kunak.

⁸ Walau bagaimanapun, semakan pengkaji ke akaun Facebook Parti Warisan pada 1 Mei 2018 mendapati bahawa kali terakhir calon mengemas kini status beliau adalah pada 28 April 2018.

⁹ 'Membumi' merujuk kepada keadaan di mana sesuatu isu tersebut mudah difahami, berpijak di bumi nyata dan mudah diimplementasikan.

¹⁰ 'Berasuk' merupakan istilah yang sering digunakan dalam kalangan 'orang Sabah' yang merujuk kepada keadaan di mana sesuatu isu tersebut sesuai, mudah difahami dan diterima dengan baik oleh pendengar.